

PERNYATAAN PENTING UNTUK PERSIDANGAN PEMBAURAN HARI KESYUKURAN 2024

Walaupun subjek bagi 1 dan 2 Petrus ialah pemerintahan Tuhan, namun kita perlu melihat bahawa segala-gala berkenaan pemerintahan Tuhan harus membawa kita kembali kepada fokus utama dan struktur asas bagi Surat-surat ini— Tuhan Tritunggal menjadi kenikmatan penuh kita untuk melaksanakan ekonomi Tuhan.

Perkara yang bernilai dalam penulisan Petrus ialah dia menggabungkan kehidupan orang Kristian dan pemerintahan Tuhan, mewahikan bahawa kehidupan orang Kristian dan pemerintahan Tuhan adalah seiring sebagai satu pasangan.

“Tuhan segala kurnia”—Dia yang telah memanggil percayawan ke dalam kemuliaan-Nya yang abadi— menyempurnakan, meneguhkan, menguatkan, dan mengukuhkan asas mereka menerusi penderitaan mereka; “segala kurnia” ini ialah “kurnia Tuhan yang benar”; ke dalam kurnia ini percayawan harus masuk dan dalam kurnia ini mereka berdiri.

Sebagai percayawan dalam Kristus, kita dapat menjadi reproduksi Kristus yang merupakan model kita, dan kita dapat mengalami dan menikmati Kristus sebagai Gembala sukma kita.

**Garis Kasar Mesej untuk Persidangan Pembauran Hari Kesyukuran
28 November—1 Disember 2024**

**SUBJEK AM:
MENJALANI KEHIDUPAN ORANG KRISTIAN DAN KEHIDUPAN GEREJA
DI BAWAH PEMERINTAHAN TUHAN
UNTUK EKONOMI TUHAN**

Mesej Satu

Pemerintahan Tuhan untuk Ekonomi Tuhan

Bacaan Bible: 1 Ptr. 1:2-3, 5, 10-12, 20; 2:1-5, 9; 3:4; 4:14; 5:10; 2 Ptr. 1:4; 3:13, 18

- I. Subjek bagi Surat-surat Petrus ialah pemerintahan Tuhan dengan penghakiman-Nya:**
- A. Penghakiman Tuhan bermula daripada malaikat (2 Ptr. 2:3-4) dan melewati generasi-generasi manusia dalam Wasiat Lama (ay. 5-9).
 - B. Pada zaman Wasiat Baru, penghakiman Tuhan bermula daripada rumah Tuhan (1 Ptr. 1:17; 2:23; 4:6, 17) dan berterusan hingga kedatangan hari Tuan (2 Ptr. 3:10), iaitu hari penghakiman ke atas orang Yahudi, percayawan, dan bangsa Asing sebelum kingdom milenium (ay. 12).
 - C. Selepas kingdom milenium, semua yang mati, termasuk manusia dan demon, akan dihakimi dan akan binasa (1 Ptr. 4:5; 2 Ptr. 3:7), dan langit dan bumi akan habis dibakar api (ay. 10b, 12).
 - D. Kesan daripada berbagai-bagai jenis penghakiman itu tidak sama; ada penghakiman yang mengakibatkan penanggulangan dengan cara disiplin, ada yang mengakibatkan hukuman mengikut kala zaman, dan ada yang mengakibatkan kebinasaan kekal—2:1, nota kaki 5, butir 2.
 - E. Namun begitu, melalui semua penghakiman ini Tuan Tuhan akan membersihkan dan menyucikan seluruh alam semesta supaya Dia dapat beroleh langit baru dan bumi baru untuk alam semesta baru yang dipenuhi keadilan-Nya (3:13) demi kegirangan-Nya.
 - F. Penghakiman daripada pemerintahan Tuhan juga dapat dilihat dalam buku Daniel:
 1. Oleh sebab “hati...[Nebukadnezar] meninggi dan rohnya menjadi begitu bongkak sehinggakan dia berperilaku dalam kesombongan, dia dipecat daripada takhta dirajanya, dan kemuliaannya diambil daripadanya” (5:20); Tuhan mengatakan bahawa kingdomnya akan dikukuhkan semula kepadanya selepas dia “sedar bahawa syurga-syurgalah yang memerintah” (4:26; 5:21).
 2. Walaupun keturunannya Belsyazar mengetahui semua ini, namun nisyonnya di hadapan Tuhan merupakan penghinaan kepada kekudusan Tuhan, dan Daniel memberitahunya bahawa “Tuhan yang memegang nafas tuanku di tangan-Nya dan yang memiliki segala jalan tuanku itu tidak tuanku hormati” (ay. 22-23); oleh itu, kingdomnya “telah dibahagikan dan diberikan kepada orang Media dan orang Parsi” (ay. 28).
 - G. Oleh yang demikian, Petrus memberitahu kita bahawa kita harus “menghabiskan masa perantauan kamu itu dalam ketakwaan” (1 Ptr. 1:17); dia juga mengatakan bahawa kita perlu “rendah diri di bawah tangan Tuhan yang perkasa supaya Dia dapat menjunjung kamu apabila tiba masanya” (5:6); rela direndahkan dalam disiplin Tuhan oleh tangan Dia yang menjadikan seseorang itu rendah diri merupakan prasyarat bagi kita ditinggikan oleh tangan Tuhan yang menjunjung orang dan prasyarat bagi kita menikmati Tuhan Tritunggal sendiri sebagai bekal hayat kita, yang berlipat ganda dalam percayawan yang rendah diri (ay. 5; 1:2; 4:10).
 - H. Bertakwa kepada Tuan bererti mentakzirkan-Nya dan mempertimbangkan serta mementingkan-Nya dalam segala hal (Mzm. 86:11; Yes. 11:2; Ams. 1:7; 3:5-10),

tidak sekali-kali lupa bahwa Dia ialah Tuhan ajaib yang mencipta kita (Yes. 43:7); bertakwa kepada Tuan menghentikan kita daripada berbuat jahat; bertakwa kepada Tuan juga menyebabkan kita bertimbang rasa dengan penderitaan orang lain serta menunjukkan rahmat dan belas kasihan kepada mereka.

II. Walaupun subjek bagi 1 dan 2 Petrus ialah pemerintahan Tuhan, namun ini bukan fokus utama dan struktur asas bagi Surat-surat ini; segala-gala berkenaan pemerintahan Tuhan harus membawa kita kembali kepada fokus utama dan struktur asas bagi Surat-surat ini—Tuhan Tritunggal menjadi kenikmatan penuh kita untuk melaksanakan ekonomi Tuhan:

- A. Fokus utama dan struktur asas bagi 1 dan 2 Petrus ialah Tuhan Tritunggal yang memberi tenaga itu beroperasi dalam ekonomi-Nya untuk membawa umat pilihan-Nya ke dalam kenikmatan penuh terhadap Tuhan Tritunggal; roh insani kita sebagai manusia tersembunyi yang ada dalam hati, serta Roh Tuhan sebagai Roh kemuliaan dan sebagai Roh Kristus, merupakan sarana supaya kita dapat berbahagian dalam Tuhan, dalam sifat divin-Nya, sebagai bahagian kita—1 Ptr. 1:2-3, 5, 11; 2:1-3, 5, 9; 3:4; 4:14; 5:10; 2 Ptr. 1:4.
- B. Fokus utama dan struktur asas bagi 1 dan 2 Petrus ialah Tuhan Tritunggal beroperasi untuk menyempurnakan penyelamatan lengkap-Nya supaya kita dapat dilahirkan, agar kita dapat makan sabda-Nya, dan agar kita dapat bertumbuh, ditransform, serta dibina, supaya Dia dapat mempunyai tempat huni dan kita dapat dimuliakan untuk mengekspresikan-Nya—1 Ptr. 1:23; 2:1-5, 9.
- C. Petrus berani mengakui bahawa para dutus awal, seperti Yohanes, Paulus, dan dia sendiri, (meskipun gaya, istilah, ungkapan, sesetengah aspek pandangan mereka, dan cara mereka menyampaikan ajaran-ajaran adalah berlainan), berbahagian dalam satu-satunya ministri yang sama, iaitu ministri Wasiat Baru—2 Ptr. 1:12-21; 3:2, 15-16; 2 Kor. 3:6, 8-9; 4:1.
- D. Tumpuan ministri sedemikian ialah meministerkan Kristus almuhit sebagai perjasadan Tuhan Tritunggal kepada orang; Tuhan Tritunggal ini telah melalui proses inkarnasi, kehidupan insani, penyaliban, kebangkitan, dan kenaikan ke syurga, untuk mendispenkan diri-Nya menerusi penebusan Kristus dan melalui operasi Roh Kudus ke dalam umat yang ditebus-Nya untuk menjadi satu-satunya bahagian hayat mereka dan menjadi bekalan hayat mereka serta segala-gala bagi mereka demi membina gereja sebagai Tubuh Kristus yang akan berkonsumasi dalam ekspresi penuh Tuhan Tritunggal, yakni kepenuhan Tuhan Tritunggal, menurut tujuan abadi Bapa—Kis. 2:36; 3:13, 15; 10:36; 1 Ptr. 1:2-3, 18-19, 23; 2:2-5, 7, 9, 25; 3:7; 4:10, 17; 5:2, 4, 10; 2 Ptr. 1:2-4; 3:18.

III. Dalam kedua-dua pucuk Suratnya yang hanya terdiri daripada lapan bab, Petrus membicarakan seluruh ekonomi Tuhan dari keabadian lampau sebelum pengasasan dunia (1 Ptr. 1:2, 20) hingga langit baru dan bumi baru dalam keabadian akan datang (2 Ptr. 3:13); dia menyingkapkan hal-hal penting tentang ekonomi Tuhan, iaitu berkenaan hal-hal yang dinubuatkan oleh para penyabda dan diberitakan oleh para dutus (1 Ptr. 1:10-12) dari empat aspek:

- A. Dari aspek Tuhan Tritunggal:
 - 1. Tuhan Bapa memilih umat dalam keabadian menurut prapengetahuan-Nya (ay. 1-2; 2:9) dan memanggil mereka ke dalam kemuliaan-Nya (2 Ptr. 1:3).
 - 2. Kristus yang dipraketahui Tuhan sebelum pengasasan dunia tetapi dimanifestasikan pada masa-masa terakhir (1 Ptr. 1:20), telah menebus dan menyelamatkan umat pilihan Tuhan (ay. 18-19, 2) melalui kematian-Nya yang mengganti (2:24; 3:18) menerusi kebangkitan-Nya dalam hayat dan kenaikan-Nya ke syurga dalam kudrat (1:3; 3:21-22).
 - 3. Roh itu, yang diutus dari syurga, telah menguduskan dan menyucikan orang yang ditebus dan diselamatkan Kristus (1:2, 12, 22; 4:14)—malaikat ingin sekali memerhatikan hal-hal ini (1:12).

4. Kudrat divin Tuhan Tritunggal membekali umat yang ditebus-Nya dengan segala sesuatu yang berkenaan hayat dan kesalihan (2 Ptr. 1:3-4) untuk melindungi mereka sehingga membawa kepada penyelamatan penuh (1 Ptr. 1:5).
 5. Tuhan juga mendisiplinkan mereka (5:6) dengan sesetengah penghakiman yang pelbagai daripada pemerintahan-Nya (1:17; 2:23; 4:5-6, 17; 2 Ptr. 2:3-4, 9; 3:7), dan Dia akan menyempurnakan, meneguhkan, menguatkan, dan mengukuhkan asas mereka melalui segala kurnia-Nya (1 Ptr. 5:10).
 6. Tuan bersabar-derita terhadap mereka agar mereka semua mempunyai peluang untuk bertaubat sehingga beroleh penyelamatan—2 Ptr. 3:9, 15.
 7. Kemudian Kristus akan menampakkan diri dalam kemuliaan dengan membawa bersama penyelamatan penuh-Nya kepada pencinta-Nya—1 Ptr. 1:5, 7-9, 13; 4:13; 5:4.
- B. Dari aspek percayawan:
1. Percayawan sebagai harta milik Tuhan telah dipilih-Nya (1:2; 2:9), dipanggil dengan kemuliaan dan virtu-Nya (ay. 9; 3:9; 2 Ptr. 1:3, 10), ditebus oleh Kristus (1 Ptr. 1:18-19), dilahirkan Tuhan menerusi sabda-Nya yang hidup (ay. 3; 23), dan diselamatkan menerusi kebangkitan Kristus (3:21).
 2. Sekarang mereka dilindungi oleh kudrat Tuhan (1:5), disucikan untuk mengasahi satu sama lain (ay. 22), bertumbuh dengan dikhasiati susu sabda (2:2), memperkembangkan virtu-virtu rohani dalam hayat (2 Ptr. 1:5-8), serta ditransform dan dibina menjadi rumah rohani, iaitu kehentaran kudus untuk melayan Tuhan (1 Ptr. 2:4-5, 9).
 3. Mereka ialah ras yang terpilih oleh Tuhan, kehentaran diraja, bangsa yang kudus, dan umat yang khusus sebagai harta milik-Nya yang peribadi untuk mengekspresikan virtu-virtu-Nya—ay. 9.
 4. Mereka didisiplinkan oleh penghakiman daripada pemerintahan-Nya (1:17; 2:19-21; 3:9, 14, 17; 4:6, 12-19; 5:6, 9), menjalani kehidupan yang kudus dengan cara yang unggul dan dalam kesalihan untuk memuliakan-Nya (1:15; 2:12; 3:1-2), meminister sebagai penyelenggara yang baik bagi kurnia-Nya yang pelbagai demi pemuliaan-Nya menerusi Kristus (4:10-11)—di bawah teladan pengembalaan para penatua (5:1-4)—serta mengharap dan mempercepat kedatangan Tuan (1:13; 2 Ptr. 3:12) supaya mereka mendapat bekalan yang kaya untuk masuk ke dalam kingdom abadi Tuan (1:11).
 5. Selanjutnya, mereka mengharap langit baru dan bumi baru, tempat keadilanbenaran huni, dalam keabadian (3:13), dan mereka terus bertumbuh dalam kurnia dan pengetahuan terhadap Tuan kita dan Penyelamat Yesus Kristus (ay. 18).
- C. Dari aspek Syaitan—Syaitan ialah seteru percayawan, iblis, seperti singa yang mengaum, berjalan ke sana sini mencari orang untuk dibaham—1 Ptr. 5:8.
- D. Dari aspek alam semesta:
1. Malaikat-malaikat yang jatuh dikutuk dan sedang menantikan penghakiman kekal (2 Ptr. 2:4); dunia purba yang fasik dimusnahkan dengan air bah (ay. 5; 3:6); kota-kota yang fasik dibakar menjadi abu (2:6); pengajar-pengajar palsu dan pengejek-pengejek heretis dalam kemurtadan dan manusia sejagat yang berada dalam kehidupan jahat, semua akan dihakimi untuk dibinasakan (ay. 1, 3, 9-10, 12; 3:3-4, 7; 1 Ptr. 4:5); langit dan bumi akan habis terbakar (2 Ptr. 3:7, 10-11); dan semua manusia yang mati dan demon-demon akan dihakimi (1 Ptr. 4:5).
 2. Kemudian langit baru dan bumi baru akan datang sebagai alam semesta baru, tempat keadilanbenaran Tuhan huni hingga keabadian—2 Ptr. 3:13; bd. Yes. 1:26.

Menjalani Kehidupan Orang Kristian di bawah Pemerintahan Tuhan

Bacaan Bible: 1 Ptr. 1:17; 2:21-24; 4:17-19; 5:6

- I. Surat-surat 1 dan 2 Petrus adalah berkenaan pemerintahan universal Tuhan:**
- A. Subjek bagi 1 Petrus ialah kehidupan orang Kristian di bawah pemerintahan Tuhan, menunjukkan pemerintahan Tuhan kepada kita, terutamanya dalam hal menanggulangi umat pilihan-Nya—1:2.
 - B. Subjek bagi 2 Petrus ialah perbekalan divin dan pemerintahan divin, menunjukkan bahawa apabila Tuhan memerintah kita, Dia membekali kita dengan apa-apa sahaja yang kita perlukan—1:1-4; 3:13.
 - C. Tuhan memerintah dengan menghakim; penghakiman Tuhan adalah untuk melaksanakan pemerintahan-Nya—1 Ptr. 1:17; 4:17:
 - 1. Oleh sebab 1 dan 2 Petrus memperkatakan pemerintahan Tuhan, maka dalam Surat-surat ini penghakiman Tuhan dan Tuan disebut berkali-kali sebagai salah satu butir utama—1 Ptr. 2:23; 4:5-6, 17; 2 Ptr. 2:3-4, 9; 3:7.
 - 2. Menerusi pelbagai jenis penghakiman, Tuan Tuhan akan membersihkan seluruh alam semesta dan memurnikannya supaya Dia dapat beroleh langit baru dan bumi baru, menjadi alam semesta baru yang dipenuhi keadilan-Nya demi kegirangan-Nya—ay. 13.
 - D. Penghakiman dalam 1 Petrus 1:17, yang dilaksanakan Bapa, bukan penghakiman pada masa hadapan tetapi penghakiman harian pada masa kini, yang berupa penanggulangan Tuhan terhadap anak-anak-Nya dari segi pemerintahan:
 - 1. Bapa telah melahirkan kita untuk menghasilkan keluarga kudus—Bapa kudus bersama dengan anak-anak kudus—ay. 3, 15, 17.
 - 2. Sebagai anak kudus, kita harus bergerak-hidup dalam cara hidup yang kudus (ay. 15-16); jika tidak, dalam pemerintahan Tuhan, Tuhan Bapa akan menjadi Hakim dan menanggulangi ketidakkudusan kita (4:15-17; Ibr. 12:9-10).
 - E. Penghakiman yang bersifat disiplin dalam pemerintahan Tuhan bermula daripada rumah Bapa—1 Ptr. 4:17:
 - 1. Tuhan menghakimi segala-gala yang tidak sepadan dengan pemerintahan-Nya; oleh yang demikian, pada zaman ini, kita yang merupakan anak-anak Tuhan berada di bawah penghakiman harian Tuhan—1:17.
 - 2. Tuhan menggunakan cubaan yang membakar untuk menanggulangi percayawan dalam penghakiman daripada pentadbiran pemerintahan-Nya, iaitu penghakiman yang bermula daripada rumah-Nya sendiri—4:12, 17.
 - 3. Penghakiman ini bertujuan agar kita dapat hidup dalam roh menurut Tuhan—ay. 6.
- II. Perkara yang bernilai dalam penulisan Petrus ialah dia menggabungkan kehidupan orang Kristian dan pemerintahan Tuhan, mewahikan bahawa kehidupan orang Kristian dan pemerintahan Tuhan adalah seiring sebagai satu pasangan—1 Ptr. 1:17; 2:21, 24; 3:15; 4:17; 5:5-8:**
- A. Tuhan Tritunggal telah melalui proses yang panjang dalam Kristus dan menjadi Roh beri-hayat untuk menghuni kita secara dalaman; ini adalah untuk kehidupan Kristian kita—Yoh. 1:14; 14:17; 1 Kor. 15:45b; 6:17.
 - B. Pada masa yang sama, Tuhan Tritunggal masih merupakan Pencipta dan Pemerintah alam semesta—1 Ptr. 4:19.
 - C. Walaupun kita telah dilahirkan daripada Tuhan untuk beroleh hayat rohani dan menjadi ciptaan baru, namun kita masih berada dalam ciptaan lama—Yoh. 1:12-13; 3:3, 5-6; 2 Kor. 5:17:
 - 1. Atas sebab ini, kita memerlukan penanggulangan Tuhan dari segi pemerintahan—1 Ptr. 1:17.
 - 2. Untuk pertumbuhan hayat orang Kristian, kita memerlukan disiplin daripada pemerintahan Tuhan—2:2; 4:17; 2 Ptr. 1:5-7.

- III. Semasa Tuan Yesus berada di bumi, Dia menjalani kehidupan insani yang sama sekali berada di bawah pemerintahan Tuhan, dan Dia menyerahkan segala-gala yang berkaitan dengan-Nya kepada pemerintahan Tuhan—Yoh. 6:38; 1 Ptr. 2:21-23:**
- A. Tuan sentiasa menyerahkan segala penghinaan dan kecederaan yang dideritai-Nya kepada Dia yang menghakim secara adilbenar dalam pemerintahan-Nya, iaitu Tuhan yang adilbenar; kepada Dialah Tuan tunduk; Dia menaruh kepercayaan kepada Yang adilbenar ini, dengan mengakui pemerintahan-Nya—ay. 23.
 - B. Ketika Tuhan menasihati Kristus manusia itu, bahagian dalaman Kristus bersatu dengan Tuhan dan mengajar-Nya menerusi perhubungan-Nya dengan Tuhan—Mzm. 16:7; Yes. 50:4.
- IV. Sebagai percayawan dalam Kristus dan anak-anak Tuhan, kita harus menjalani kehidupan orang Kristian di bawah pemerintahan Tuhan—Yoh. 3:15; 1:12-13; 1 Ptr. 4:13-19; 5:6-8:**
- A. Surat-surat Petrus mewahikan Kristus yang membolehkan kita menerima penanggungan Tuhan dari segi pemerintahan menerusi penderitaan—1 Ptr. 1:6-8; 2:3-4, 19, 21-25; 3:18, 22; 4:1, 15-16; 5:8-9.
 - B. Kita harus menghabiskan masa perantauan kita dalam ketakwaan kudus, iaitu dengan kewaspadaan yang sihat dan serius, yang memimpin kita menjadi kudus dalam semua cara hidup kita—1:15, 17.
 - C. Kita harus merendahkan diri di bawah tangan Tuhan yang perkasa, yang melaksanakan pemerintahan Tuhan—5:6:
 - 1. Dalam ayat 6 *tangan Tuhan yang perkasa* merujuk kepada tangan pentadbiran Tuhan terutamanya dalam penghakiman-Nya—1:17; 4:17.
 - 2. Rendah diri di bawah tangan Tuhan yang perkasa bererti dijadikan rendah diri oleh Tuhan; namun demikian, kita harus bekerjasama dengan operasi Tuhan dan rela dijadikan rendah diri, rendah di bawah tangan-Nya yang perkasa—5:6.
 - D. Kita harus menyerahkan sukma kita kepada Pencipta yang setia—4:19:
 - 1. Tuhan dapat memelihara sukma kita, dan penjagaan-Nya yang penuh kasih dan setia itu bersama dengan keadilan-Nya dalam pentadbiran pemerintahan-Nya.
 - 2. Semasa Tuhan menghakimi kita dalam pemerintahan-Nya, Dia menjaga kita dengan setia dalam kasih-Nya; semasa kita menderitai penghakiman disiplin-Nya, kita harus menyerahkan sukma kita kepada penjagaan Pencipta kita yang setia—Mat. 10:28; 11:28-29.
 - E. Dalam kematian Kristus, kita mati terhadap dosa-dosa supaya dalam kebangkitan Kristus kita dapat hidup terhadap keadilan di bawah pemerintahan Tuhan—1 Ptr. 2:24:
 - 1. Pemerintahan Tuhan dibina atas keadilan (Mzm. 89:14a); apabila umat Tuhan hidup di bawah pemerintahan-Nya, kita harus menjalani kehidupan yang adilbenar.
 - 2. Ungkapan *hidup terhadap keadilan* berkaitan dengan menggenapkan tuntutan pemerintahan Tuhan—1 Ptr. 2:24:
 - a. Kita telah diselamatkan supaya kita dapat hidup dengan betul di bawah pemerintahan Tuhan, iaitu dengan cara yang berpadanan dengan tuntutan adilbenar pemerintahan Tuhan.
 - b. Dalam kematian Kristus, kita telah diasingkan daripada dosa, dan dalam kebangkitan-Nya, kita telah dihidupkan supaya dalam kehidupan Kristian kita, kita dapat hidup secara spontan terhadap keadilan di bawah pemerintahan Tuhan—Roma 6:8, 10-11, 18; Ef. 2:6; Yoh. 14:19; 2 Tim. 2:11.

Mesej Tiga

Hayat dan Pembinaan dalam Surat-surat Petrus

Bacaan Bible: 1 Ptr. 1:8; 2:1-5, 9; 2 Ptr. 1:3-4

I. Pemikiran utama Surat-surat Petrus dan seluruh Bible ialah hayat dan pembinaan—1 Ptr. 1:23; 2:2-5; 2 Ptr. 1:3-4:

- A. Hayat ialah Tuhan Tritunggal terjasad dalam Kristus dan direalisasikan sebagai Roh itu bagi mendispenkan diri-Nya ke dalam kita untuk kenikmatan kita, dan pembinaan ialah gereja, Tubuh Kristus, rumah rohani Tuhan, sebagai pembesaran dan perluasan Tuhan untuk ekspresi korporat Tuhan—Kej. 2:8-9, 22; Mat. 16:18; Kol. 2:19; Ef. 4:16.
- B. Kristus sebagai benih hayat ialah kudrat hayat dalam kita yang memberi kita segala-gala yang berhubungan dengan hayat dan kesalihan untuk membina gereja yang merupakan kelimpahan hayat yang kaya dan ekspresi hayat menerusi pertumbuhan dan perkembangan hayat—2 Ptr. 1:3-4; bd. Kis. 3:15; *Kidung*, #154, rangkap 4.

II. Matlamat Tuhan adalah untuk memperoleh rumah rohani yang dibina dengan batu-batu hidup—1 Ptr. 2:5:

- A. Sebagai hayat kita, Kristus ialah benih yang tidak dapat korup; untuk pembinaan Tuhan, Dia ialah batu hidup—1:23; 2:4.
- B. Ketika Petrus baru percaya, Tuan memberi dia nama baru, iaitu Petrus—batu (Yoh. 1:42); apabila Petrus menerima wahi berkenaan Kristus, Tuan mewahikan selanjutnya bahawa Dia ialah batuan—batu (Mat. 16:18); melalui dua kejadian ini, Petrus memperoleh tanggapan yang mendalam bahawa Kristus dan percayawan-Nya ialah batu-batu hidup untuk pembinaan Tuhan (1 Ptr. 2:4-8; Kis. 4:11; Yes. 28:16; Za. 4:7).
- C. Menerusi kelahiran dan transformasi, kita sebagai percayawan dalam Kristus ialah batu-batu hidup sebagai duplikasi Kristus; kita dicipta daripada tanah liat (Roma 9:21), tetapi sewaktu dilahirkan, kita menerima benih hayat divin; benih ini bertumbuh dalam kita dan mentransform kita menjadi batu-batu hidup (1 Ptr. 2:5).

III. Memandangkan bangunan Tuhan adalah hidup, maka bangunan itu sedang bertumbuh; pembinaan sebenar bagi gereja sebagai rumah Tuhan adalah melalui pertumbuhan percayawan dalam hayat—Ef. 2:21:

- A. Untuk bertumbuh dalam hayat demi pembinaan Tuhan, kita harus mengasihi Tuan, memberikan perhatian kepada roh kita, dan mengawal hati kita dengan segala kewaspadaan untuk kekal berada di jalan hayat—1 Ptr. 1:8; 2:2, 5; 3:4, 15; Ams. 4:18-23; Ul. 10:12; Mrk. 12:30.
- B. Jika kita ingin hayat Kristus tidak terhalang dalam kita, kita harus mengalami penghancuran salib, kematian Kristus yang membunuh dalam Roh Kristus yang almuhit sebagai Roh kemuliaan, supaya halangan-halangan berikut yang terdapat dalam kita dapat ditanggulangi dan disingkirkan—1 Ptr. 1:11; 4:14; Mzm. 139:23-24:
 - 1. Menjadi orang Kristian bermaksud tidak mengambil apa-apa yang lain selain Kristus sebagai sasaran kita; halangan bagi hal ini ialah tidak mengenali jalan hayat dan tidak mengambil Kristus sebagai hayat kita—Mat. 7:13-14; Flp. 3:8-14; Kol. 3:4; Roma 8:28-29.
 - 2. Halangan kedua ialah kemunafikan; kerohanian seseorang bukan ditentukan melalui penampilan luaran tetapi ditentukan oleh bagaimana dia memberikan perhatian kepada Kristus—Mat. 6:1-6; 15:7-8; Yoh. 5:44; 12:42-43; bd. Yos. 7:21.

3. Halangan ketiga ialah pemberontakan; kita mungkin sangat aktif dan ber-sungguh hati semasa melakukan kerja tetapi masih memenjarakan dan meng-ingkari Kristus yang hidup yang berada dalam kita dengan tidak mempeduli-kan-Nya—Im. 14:9, 14-18; 11:1-2, 46-47; Roma 16:17; 1 Kor. 15:33.
 4. Halangan keempat ialah keupayaan alamiah kita; jika keupayaan alamiah ini kekal tidak dihancurkan dalam kita, keupayaan ini akan menjadi masalah kepada hayat Kristus—2:14-15; 3:12, 16-17; Yud. 19; bd. Im. 10:1-2.
- C. Untuk bertumbuh dalam hayat demi pembinaan Tuhan, kita harus menanggal-kan “segala niat jahat, segala muslihat, kemunafikan, dan rasa iri hati, serta segala kata fitnah”—1 Ptr. 2:1.
- D. Untuk bertumbuh dalam hayat demi pembinaan Tuhan, kita perlu dikhasiati dengan susu kepunyaan sabda murni Tuhan—ay. 2:
1. Susu murni disampaikan dalam sabda Tuhan untuk mengkhasiati manusia dalaman kita menerusi pemahaman minda kita yang rasional dan diasimila-sikan melalui fakulti mental kita—Roma 8:6; bd. Ul. 11:18.
 2. Meskipun susu sabda yang mengkhasiati adalah untuk sukma menerusi minda, tetapi akhirnya susu ini juga mengkhasiati roh kita, menjadikan kita tidak sukmawi tetapi rohani, sesuai untuk dibina menjadi rumah rohani Tuhan—bd. 1 Kor. 2:15.
 3. Untuk menikmati susu sabda, mengecap Tuhan berserta kebaikan-Nya dalam sabda, kita harus menerima sabda-Nya melalui segala doa dan merenungi sabda-Nya—1 Ptr. 2:3; Ef. 6:17-18; Mzm. 119:15, 23, 48, 78, 99, 148:
 - a. Merenungi sabda bererti mengecap dan menikmati sabda melalui pertim-bangan yang teliti—1 Ptr. 2:2-3; Mzm. 119:103.
 - b. Berdoa, berbicara kepada sendiri, dan memuji Tuan juga terangkum dalam merenungi sabda; merenungi sabda bererti “memamah biak”, menerima sabda Tuhan menerusi banyak pertimbangan—Im. 11:3.
 4. Dengan makan Kristus sebagai susu yang mengkhasiati dalam sabda, kita bertumbuh sehingga beroleh penyelamatan penuh, sehingga mencapai kema-tangan menerusi transformasi demi pemuliaan; penyelamatan dalam 1 Petrus 2:2 ialah perkara transformasi demi pembinaan Tuhan.
 5. Kita menikmati “Kristus-susu” untuk mengkhasiati kita supaya kita dapat ditransform dengan Dia yang merupakan “Kristus-batu” dan dibina sebagai “Kristus-Tubuh”, sebagai rumah rohani Tuhan untuk menjadi kehentaran ku-dus—ay. 2-4; 1 Kor. 12:12-13.

IV. Kehentaran kudus, pertubuhan hentar yang berkoordinasi, ialah rumah rohani yang terbina; Tuhan menginginkan satu rumah rohani untuk dihuni-Nya, satu pertubuhan hentar, satu kehentaran korporat untuk melayan-Nya—1 Ptr. 2:5; Kel. 19:5-6:

- A. Kita ialah “ras yang terpilih, kehentaran diraja, bangsa yang kudus, umat yang dibeli untuk dijadikan harta milik” (1 Ptr. 2:9)—*ras yang terpilih* menunjukkan bahawa kita berasal daripada Tuhan; *kehentaran diraja* menunjukkan pelayanan kita terhadap Tuhan; *bangsa yang kudus* menunjukkan bahawa kita ialah ko-muniti untuk Tuhan; dan *umat yang dibeli untuk dijadikan harta milik* pula menunjukkan bahawa kita adalah berharga bagi Tuhan.
- B. Pelayanan kehentaran kita secara korporat adalah untuk mengkhabarkan virtu-virtu Dia yang memanggil kita keluar daripada kegelapan ke dalam cahaya-Nya yang mengagumkan sebagai injil (ay. 9) supaya kita dapat “mempersembahkan korban-korban rohani yang diperkenan Tuhan menerusi Yesus Kristus” (ay. 5b); korban-korban rohani ini ialah:
1. Kristus sebagai realiti segala korban persembahan dalam tamsil Wasiat Lama, seperti korban bakaran, korban sajian, korban perdamaian, korban penebus dosa, dan korban penebus kesalahan—Im. 1—5.

2. Pendosa-pendosa yang diselamatkan melalui pemberitaan injil kita, yang dipersembahkan sebagai anggota-anggota Kristus—Roma 15:16.
 3. Tubuh kita, pujian kita, dan hal-hal yang kita lakukan untuk Tuhan—12:1; Ibr. 13:15-16; Flp. 4:18.
- C. Semua pelayanan kehentaran kita terhadap Tuan harus berasal daripada Dia yang merupakan “Tuhan pengukur” dan bukan daripada kita; semua pelayanan kehentaran kita harus menurut pimpinan-Nya dan batasan-Nya, dengan membenarkan kematian-Nya beroperasi dalam kita, supaya hayat kebangkitan-Nya dapat disalurkan ke dalam orang lain menerusi kita—2 Kor. 10:13; Yoh. 12:24; 21:15-22; 2 Sam. 7:18, 25, 27; Luk. 1:37-38; *Kidung*, #650.

Mesej Empat

Menjadi Reproduksi Kristus dan Mengalami Kristus sebagai Gembala Sukma Kita

Bacaan Bible: 1 Ptr. 2:21-23, 25; Mat. 11:28-30; Flp. 1:27; 2:2

I. Sebagai percayawan dalam Kristus, kita dapat menjadi reproduksi Kristus yang merupakan model kita—1 Ptr. 2:21:

- A. Kehidupan Tuan Yesus di bawah pemerintahan Tuhan ialah model supaya kita dapat mengikut jejak-Nya dengan menjadi reproduksi-Nya—ay. 21-23; Ef. 4:20-21.
- B. Perkataan Yunani bagi *model* dalam 1 Petrus 2:21 merujuk kepada salinan asal yang digunakan untuk mengajar menulis—lakaran tulisan, tulisan di bawah yang digunakan pelajar untuk menyurih huruf ketika mereka belajar menulisnya:
 1. Tuan Yesus telah membentangkan kehidupan-Nya di hadapan kita sebagai tulisan di bawah agar kita dapat menyalin dengan menyurih dan mengikut jejak-Nya—Mat. 11:28-30.
 2. Hasrat Tuhan bukanlah kita cuba meniru Kristus dengan usaha kita sendiri; apa yang kita perlukan bukanlah peniruan tetapi reproduksi—Roma 8:29; 2 Kor. 3:18.
- C. Kita perlu menjadi reproduksi Kristus, salinan Kristus, melalui proses yang berkaitan dengan kekayaan hayat divin; apabila proses ini disempurnakan, kita akan menjadi reproduksi Kristus—Yoh. 3:15; Ef. 3:8.
- D. Penghasilan salinan zeroks boleh digunakan untuk menggambarkan apa yang dimaksudkan Petrus dengan Kristus menjadi model kita.
- E. Untuk menjadi reproduksi Kristus model kita, kita perlu mengalami Kristus sebagai Dia yang hidup dalam kita, dibentuk dalam kita, dan berumah dalam hati kita—Gal. 2:20; 4:19; Ef. 3:16-17a:
 1. Wasiat Baru mewahikan bahawa Kristus berkait secara mendalam dengan diri dalaman kita—Gal. 1:16; Kol. 3:10-11.
 2. Kristus pneumatik—Kristus sebagai Roh beri-hayat—hidup dalam kita—1 Kor. 15:45b; Gal. 2:20:
 - a. Ekonomi Tuhan ialah “aku” disalibkan dalam kematian Kristus dan Kristus hidup dalam kita dalam kebangkitan-Nya—Yoh. 14:19.
 - b. Kita satu roh dengan Tuan, kita mempunyai satu hayat dengan-Nya, dan kini kita harus menjadi satu persona dengan-Nya—1 Kor. 6:17; Kol. 3:4; Flp. 1:21a.
 - c. Memandangkan Kristus huni dalam kita sebagai Roh itu, kita perlu membiarkan Dia hidup dalam kita—Yoh. 14:16-19; Gal. 2:20.
 3. Mempunyai Kristus terbentuk dalam kita bererti mempunyai Kristus bertumbuh sepenuhnya dalam kita—4:19:
 - a. Kristus dilahirkan ke dalam kita pada masa kita bertaubat dan percaya kepada-Nya, kemudian Dia hidup dalam kita dalam kehidupan Kristian kita, dan akhirnya Dia akan terbentuk dalam kita semasa kematangan kita—Yoh. 1:12-13; 3:15; Gal. 2:20; 4:19.
 - b. Mempunyai Kristus terbentuk dalam kita bererti membenarkan Roh al-muhit menduduki setiap bahagian diri dalaman kita, mempunyai Kristus bertumbuh sepenuhnya dalam kita—Kol. 2:19; Ef. 4:15-16.
 - c. Mempunyai Kristus terbentuk dalam kita mengimplicasikan bahawa kita dikonstitusikan dengan Kristus secara organik—Kol. 3:10-11.
 - d. *Terbentuk* dalam Galatia 4:19 berpadanan dengan *imej* dalam 2 Korintus 3:18; Kristus akan terbentuk dalam kita supaya kita dapat mengekspresikan-Nya dalam imej-Nya.
 4. Kristus yang hidup dalam kita dan yang terbentuk dalam kita sedang berumah dalam hati kita—Ef. 3:16-17a.

5. Apabila Kristus hidup dalam kita, terbentuk dalam kita, dan berumah dalam hati kita, kita menjadi reproduksi Kristus demi ekspresi korporat Tuhan—Roma 8:29; 12:4-5; Wahi 21:2.
- II. Apabila kita menjadi reproduksi Kristus, kita dapat mengalami dan menikmati Kristus sebagai Gembala sukma kita—1 Ptr. 2:25; Mat. 11:28-30; Flp. 1:27; 2:2:**
- A. Sebagai Gembala sukma kita, Kristus pneumatik menguruselia keadaan dalaman kita, menjaga situasi diri dalaman kita:
 1. Penggembalaan Kristus secara organik terutamanya menjaga sukma kita—Mzm. 23:3.
 2. Kristus menggembala kita dengan menjaga kebajikan sukma kita dan menguruselia keadaan diri dalaman kita—bd. Ibr. 13:17.
 3. Penggembalaan sebegini merupakan pelipuran yang bersifat dalaman, intrinsik, dan organik.
 - B. Oleh sebab sukma kita amat rumit, maka kita memerlukan Kristus yang merupakan Roh beri-hayat dalam roh kita, menggembala kita dalam sukma kita, menjaga minda, emosi, dan tekad kita, serta semua masalah, keperluan, dan luka kita—Yoh. 14:16-17; 1 Kor. 15:45b; 6:17:
 1. Sebagai Gembala pneumatik kita, Kristus menjaga kita dari dalam roh kita.
 2. Penggembalaan-Nya bermula dari roh kita dan menyebarkan ke setiap bahagian sukma kita.
 3. Dari roh kita, Kristus mencapai semua bahagian sukma kita dan menjaga kita dengan cara yang lembut mesra, organik, dan serba merangkumi.
 - C. Sebagai Gembala sukma kita, Kristus memugarkan sukma kita—Mzm. 23:3a:
 1. Sukma kita dipugarkan bermaksud bahawa kita dipulihbangkitkan.
 2. Memugarkan sukma kita juga termasuk memperbarui dan mentransform—Roma 12:2; 2 Kor. 3:18.
 - D. Sebagai Gembala sukma kita, Tuan memberikan rehat pada sukma kita—Mat. 11:28-30:
 1. Tuan memanggil orang yang berusaha mematuhi hukum atau bergelut untuk berjaya dalam apa jua kerja agar datang kepada-Nya untuk beroleh rehat—ay. 28.
 2. Rehat ini bukan sahaja menunjukkan dibebaskan daripada jerih dan beban di bawah hukum atau agama atau sebarang kerja atau tanggungjawab, tetapi juga damai sejahtera yang sempurna dan kepuasan yang penuh.
 3. Memikul kuk Tuan bererti mengambil kehendak Bapa—12:50.
 4. Tuan menjalani kehidupan sedemikian, didesak oleh kehendak Bapa dan mengambil berat tentang kehendak Bapa-Nya (Yoh. 4:34; 5:30; 6:38); Dia berpuas hati sepenuhnya dengan kehendak Bapa dan mempunyai rehat dalam hati-Nya.
 5. Rehat yang kita peroleh dengan memikul kuk Tuan dan belajar daripada-Nya ialah rehat dalaman, rehat untuk sukma kita—Mat. 11:29-30.
 - E. Apabila Tuan menggembala sukma kita dan memugari sukma kita, kita bukan sahaja mengalami Kristus tetapi juga menikmati-Nya—Flp. 2:2; 3:1a:
 1. Mengalami Kristus terutamanya adalah dalam roh kita, manakala menikmati Kristus adalah dalam sukma kita—1:27; 2:2.
 2. Jika sukma kita bermasalah, kita mungkin mengalami Kristus tetapi tidak menikmati Kristus.
 3. Berkenaan Kristus, pengecapan kita terhadap-Nya terutamanya ada pada sukma kita; inilah sebabnya jika kita ingin menikmati Kristus, kita memerlukan Tuan menggembala setiap bahagian sukma kita, terutamanya minda kita.

Kurnia dalam Surat-surat Petrus

Bacaan Bible: 1 Ptr. 1:2b, 10, 13; 2:19-20; 3:7; 4:10; 5:5, 10, 12; 2 Ptr. 1:2; 3:18

- I. Kurnia ialah Kristus sendiri menjadi kenikmatan kita—kurnia ialah Kristus yang bangkit sebagai Roh beri-hayat, memberi diri-Nya secara percuma kepada kita, menjadi segala-gala kepada kita, serta melakukan segala-gala dalam kita, menerusi kita, dan untuk kita—Yoh. 1:14, 16-17; Yes. 55:1; 2 Kor. 1:8-9, 12; Gal. 2:20; bd. 1 Kor. 15:10.**
- II. Pelipatgandaan kurnia ialah kurnia yang berlipat ganda dalam kehidupan harian kita dalam pengetahuan penuh terhadap Tuhan dan terhadap Yesus, Tuan kita; kurnia Tuhan dalam ekonomi-Nya adalah kaya, berlipat ganda, dan melimpah-ruah—1 Ptr. 1:2b; 2 Ptr. 1:2; Yoh. 1:16; Ef. 1:6-8; 2:7; Roma 5:17, 21; 1 Tim. 1:14; Wahi 22:21:**
 - A. Kurnia dilipatgandakan terhadap kita menerusi penderitaan, pengehadan, dan kelemahan kita; kurnia ialah Kristus sebagai pemikul beban kita; semakin banyaknya beban kita, semakin banyak peluang yang kita ada untuk mengalami Kristus sebagai kurnia—2 Kor. 12:7-9; bd. 1:12, 15.
 - B. Kenikmatan terhadap Tuan sebagai kurnia adalah untuk orang yang mengasihi-Nya—Ef. 6:24; Yoh. 21:15-17; 1 Ptr. 1:8.
 - C. Dengan menerima dan tinggal dalam sabda kurnia-Nya, kita menikmati Tuan sebagai kurnia berserta sifat divin-Nya; sabda ini merangkumi semua janji-Nya yang berharga dan teramat besar—Kis. 20:32; 2 Ptr. 1:4; Ef. 6:17-18.
- III. Para penyabda dalam Wasiat Lama bernubuat tentang kurnia yang akan sampai kepada kita—1 Ptr. 1:10:**
 - A. Roh Kristus dalam para penyabda Wasiat Lama menjelaskan kepada mereka bahawa Kristus datang menjadi kurnia kita menerusi inkarnasi-Nya, penderitaan-Nya dalam kehidupan insani dan penyaliban-Nya, serta kemuliaan-Nya dalam kebangkitan, kenaikan ke syurga, kedatangan kedua, dan pemerajaan-Nya untuk mengaplikasikan penyelamatan penuh Tuhan pada kita—ay. 5, 9-10; bd. Mzm. 22; Yes. 53; Dan. 9:26.
 - B. Walaupun Roh Kristus dikonstitusikan mengikut kala zaman, iaitu menerusi dan dengan kematian serta kebangkitan Kristus pada zaman Wasiat Baru (Yoh. 7:39; Roma 8:9-11), namun fungsi Roh adalah abadi, kerana Dialah Roh abadi (Ibr. 9:14).
 - C. Roh Kristus, dalam fungsi-Nya yang abadi, berada dalam para penyabda Wasiat Lama, menjelaskan kepada mereka bahawa Kristus akan datang kepada percaयawan Wasiat Baru untuk menjadi kurnia yang serba mencukupi dan tidak terbatas dalam penyelamatan penuh Tuhan; kurnia ini diberi kepada mereka agar mereka dapat masuk ke dalam kegembiraan Tuan pada zaman kingdom, iaitu penyelamatan sukma mereka—Yoh. 1:17; Ibr. 10:29b; 1 Ptr. 1:9; Mat. 25:21, 23.
 - D. Roh Kristus mengaplikasikan penyelamatan penuh Tuhan sebagai kurnia pada kita melalui dua cara: nubuat para penyabda Wasiat Lama dan pemberitaan para dutus Wasiat Baru—1 Ptr. 1:10-12; bd. Wahi 2:7a.
- IV. Kurnia yang padanya percaयawan menaruh harapan mereka sepenuhnya itu akan dibawa kepada mereka sewaktu penampakan Yesus Kristus—1 Ptr. 1:13:**
 - A. Kurnia yang dibawa kepada kita sewaktu penampakan Yesus Kristus merujuk kepada penyelamatan sukma yang akan menjadi konsumsi penyelamatan penuh Tuhan—ay. 5, 9-10:

1. Kurnia yang diberi kepada kita dalam Kristus telah dianugerahkan kepada kita sebelum dunia bermula—2 Tim. 1:9; Tit. 2:11.
 2. Tuhan yang ada pada mulanya telah menjadi tubuh daging dalam masa, untuk menjadi kurnia agar diterima, dimiliki, dan dinikmati manusia—Yoh. 1:1, 14, 16-17.
 3. Tuhan Tritunggal yang terproses, yang telah dikonsumsi sebagai Roh yang almuhit, beri-hayat, dan huni secara dalaman, telah menjadi Roh kurnia yang menyertai roh kita—1 Kor. 15:45b; 2 Kor. 3:17; Ibr. 10:29; Gal. 6:18; Flp. 4:23.
- B. Hari demi hari, kita harus menjadi wadah terbuka untuk menjadi penerima kurnia secara berterusan, dan kita harus menaruh harapan kita secara menyeluruh dan sepenuhnya pada kurnia ini—Roma 5:17; 1 Ptr. 1:13.
- V. *Bagi Tuhan, inilah kurnia dalam 1 Petrus 2:19-20 merujuk kepada dorongan hayat divin dalam kita serta ekspresinya dalam kehidupan kita, agar perilaku kita indah dan diperkenan di mata manusia dan Tuhan:***
- A. Kurnia yang merupakan Tuhan Tritunggal terproses untuk kita nikmati itu menjadi dorongan di dalam dan ekspresi di luar kita, dalam persekutuan intim kita dengan Tuhan serta dalam perasaan kita terhadap Tuhan; kita semua perlu belajar bagaimana menerima kurnia, iaitu mengambil kurnia, memiliki kurnia, menggunakan kurnia, dan mengaplikasikan kurnia—Ibr. 12:28.
 - B. Tuhan Tritunggal yang terproses sebagai kurnia yang kita terima dan nikmati itu diekspresikan secara nyata untuk dilihat oleh orang lain dalam kehidupan kita yang kudus dan dalam perhimpunan gereja—Kis. 11:23.
 - C. Kita telah dipanggil untuk menikmati dan mengekspresikan Kristus sebagai kurnia di tengah-tengah penderitaan supaya kita dapat menjadi reproduksi, salinan zeroks bagi Kristus yang merupakan model kita, menurut kehidupan Tuhan-manusia-Nya—1 Ptr. 2:20-21.
- VI. *Kurnia hayat ialah warisan semua percayawan, tidak kira yang kuat atau yang lemah—3:7:***
- A. Kurnia hayat ialah Tuhan menjadi hayat dan bekalan hayat kepada kita dalam Trinitas Divin-Nya—Bapa sebagai sumber hayat, Anak sebagai saluran hayat, dan Roh sebagai aliran hayat yang mengalir dalam kita bersama dengan Anak dan Bapa, untuk menjadi kurnia kepada kita—Yoh. 7:38-39; Wahi 22:1.
 - B. Kita ialah waris untuk mewarisi kurnia hayat dan wadah untuk berisikan kurnia hayat—1 Ptr. 3:7; Ef. 1:14; 2 Kor. 4:7.
- VII. *Pelbagai kurnia Tuhan menunjukkan kekayaan kurnia Tuhan dalam berbagai-bagai aspek yang diministerkan oleh pekedus kepada satu sama lain—1 Ptr. 4:10:***
- A. Pelbagai kurnia Tuhan ialah bekalan hayat yang kaya, iaitu Tuhan Tritunggal diministerkan ke dalam kita dalam berbagai-bagai aspek—2 Kor. 13:14; 12:9.
 - B. Kita perlu menjadi penyelenggara yang baik bagi pelbagai kurnia Tuhan, membicarakan kata-kata kurnia sebagai sabdaan Tuhan, dan meminister berasaskan daya dan kudrat kurnia yang dibekalkan oleh Tuhan—1 Ptr. 4:10-11; Luk. 4:22; Ef. 3:2; 4:29.
- VIII. *Tuhan memberi kurnia kepada yang rendah diri, tetapi Dia menentang yang sombong—1 Ptr. 5:5:***
- A. Dalam kehidupan gereja, kita semua perlu mengikat pinggang kita dengan kerendahan diri terhadap satu sama lain agar kita dapat menikmati Tuhan sebagai Pemberi kurnia—bd. Yoh. 13:3-5.
 - B. Kerendahan diri menyelamatkan kita daripada segala jenis kebinasaan dan mengundang kurnia Tuhan, manakala kesombongan menjadikan kita orang yang paling jahil—Yak. 4:6; Mzm. 138:6; Ams. 29:23.

- C. Kita harus rela dijadikan rendah diri, rendah di bawah tangan Tuhan yang perkasa dalam disiplin-Nya dan melemparkan kehidupan kita beserta kekhuatirannya kepada Tuhan kerana Dia mengambil berat tentang kita dengan penuh kasih sayang dan setia—1 Ptr. 5:5-7; bd. Mzm. 55:22.
- IX. “Tuhan segala kurnia”—Dia yang telah memanggil percayawan ke dalam kemuliaan-Nya yang abadi—menyempurnakan, meneguhkan, menguatkan, dan mengukuhkan asas mereka menerusi penderitaan mereka; “segala kurnia” ini ialah “kurnia Tuhan yang benar”, ke dalam kurnia ini percayawan harus masuk dan dalam kurnia ini mereka berdiri—1 Ptr. 5:10, 12.**
- X. Kurnia Tuhan yang benar ialah kurnia yang dalamnya percayawan harus bertumbuh; dalam kurnia ini bersama dengan pengetahuan terhadap Tuan kita dan Penyelamat Yesus Kristus, percayawan bertumbuh sehingga kemuliaan diberi kepada-Nya sekarang dan hingga hari keabadian—2 Ptr. 3:18:**
- A. Inilah kata penutup bagi penulisan dutus Petrus, menunjukkan bahawa apa-apa sahaja yang ditulisnya adalah daripada, dalam, melalui, dan menerusi kurnia Tuhan.
- B. Hasil kurnia dalam ekonomi Tuhan ialah Tubuh Kristus yang merupakan puisi Tuhan yang menjadi Yerusalem Baru sebagai konsumsi keadilan Tuhan di langit baru dan bumi baru—Ef. 2:7-10; 2 Ptr. 3:13.
- C. Kekayaan kurnia Tuhan, iaitu kekayaan Tuhan sendiri sebagai kenikmatan kita, melangkaui setiap batasan dan akan dipaparkan secara terbuka hingga keabadian—Ef. 2:7.

Mesej Enam

**Pengambil Bahagian Sifat Divin
dan Perkembangan Hayat Divin serta Sifat Divin
untuk Masuk dengan Kayanya ke dalam Kingdom Abadi**

Bacaan Bible: 2 Ptr.1:1, 3-11; 3:18

- I. Sebagai orang yang menerima iktikad yang sama berharga, kita, percayawan dalam Kristus, harus menjadi pengambil bahagian sifat divin—2 Ptr. 1:4:**
- A. Sifat divin merujuk kepada apanya Tuhan, iaitu kekayaan, elemen, dan konstituen diri Tuhan—Yoh. 4:24; 1 Yoh. 1:5; 4:8, 16.
 - B. Hayat divin dan sifat divin tidak dapat dipisahkan; sifat divin ialah substans hayat divin dan berada dalam hayat divin—1:1-2; 5:11-13.
 - C. Sebagai anak-anak Tuhan, kita ialah Tuhan-manusia, dilahirkan daripada Tuhan, memiliki hayat dan sifat Tuhan, dan kepunyaan spesies Tuhan—3:1; Yoh. 1:12-13:
 - 1. Sewaktu kelahiran, satu lagi sifat disalurkan ke dalam kita; inilah sifat Tuhan, yakni sifat divin—2 Ptr. 1:4.
 - 2. Oleh sebab sifat divin berada dalam hayat divin, maka hayat divin yang dengannya kita dilahirkan semula mempunyai sifat divin di dalamnya—Yoh. 3:3, 5-6, 15.
 - 3. Orang yang percaya ke dalam Anak Tuhan dilahirkan daripada Tuhan dan mempunyai hak untuk menjadi anak-anak Tuhan; dengan itu, percayawan mempunyai hak untuk berbahagian dalam dan menikmati sifat Tuhan—1:12-13.
 - D. Pengambil bahagian sifat divin merupakan orang yang menikmati sifat divin dan berbahagian dalam sifat divin—2 Ptr. 1:4:
 - 1. Mengambil bahagian dalam sifat divin bermaksud menikmati apanya Tuhan; menjadi pengambil bahagian sifat divin bermaksud menjadi pengambil bahagian dalam kekayaan, elemen, dan konstituen diri Tuhan—1 Ptr. 1:8.
 - 2. Sekiranya kita ingin menjadi pengambil bahagian sifat divin, kita perlu hidup melalui hayat divin dalam kita, iaitu sifat divin—Yoh. 1:4; 10:10; 11:25; 6:57b.
 - E. Kita menikmati kekayaan sifat divin menerusi janji-janji Tuhan yang berharga dan teramat besar—2 Kor. 12:9; Mat. 28:20b; Ef. 3:20.
 - F. Menjadi pengambil bahagian sifat divin ada syaratnya, iaitu kita terlepas daripada kekorupan yang melalui nafsu yang terdapat di dunia; kita perlu hidup dalam kitaran melepaskan diri lalu mengambil bahagian, dan mengambil bahagian lalu melepaskan diri—2 Ptr. 1:4.
 - G. Sekiranya kita menikmati Tuhan dan mengambil bahagian dalam kekayaan dirinya, kita akan dikonstitusikan dengan sifat divin, menjadi sama seperti Tuhan dalam hayat dan sifat tetapi bukan dalam Ketuhanan serta mengekspresikan Dia dalam segala apanya kita dan segala-gala yang kita lakukan—ay. 3.
 - H. Apabila kita berbahagian dalam sifat divin, menikmati segala apanya Tuhan, kekayaan sifat divin akan diperkembangkan sepenuhnya, seperti yang disebut dalam ayat 5 hingga 7.
- II. Kita perlu mengalami perkembangan hayat divin dan sifat divin yang terkandung dalam benih divin yang telah disemaikan ke dalam kita supaya kita dapat masuk dengan kayanya ke dalam kingdom abadi—ay. 1, 4-11:**
- A. Kita telah diperuntukkan iktikad ajaib yang sama berharga, dan iktikad ini ialah benih yang serba merangkumi—ay. 1:

1. Semua kekayaan divin ada dalam benih ini, tetapi kita harus tekun memperkembangkannya; bertumbuh sehingga mencapai kematangan berarti memperkembangkan apa yang sudah kita ada—ay. 1-8; 3:18.
 2. Dengan memperkembangkan virtu-virtu ini, kita bertumbuh dalam hayat, dan akhirnya kita akan mencapai kematangan, penuh dengan Kristus, dan dilayakkan serta diperlengkapi untuk menjadi raja dalam kingdom yang akan datang—Ef. 4:13-15; Kol. 2:19; 2 Ptr. 1:11.
 3. Kita perlu mempunyai perkembangan penuh dan kematangan daripada benih iktikad, menerusi akar virtu dan pengetahuan, batang kawalan diri, dan ranting kesabartahanan dan kesalihan, sehingga bermekarnya dan berbuahnya kasih sesama dikbang dan kasih—ay. 5-7.
- B. Membekalkan virtu dalam iktikad berarti memperkembangkan virtu—tenaga hayat divin yang membuahakan tindakan yang penuh vital—dengan menggunakan iktikad yang sama berharga; iktikad ini perlu digunakan supaya virtu hayat divin dapat diperkembangkan dalam langkah-langkah yang berikutnya dan mencapai kematangan—ay. 5a.
- C. Virtu memerlukan bekalan yang melimpah lengkap daripada pengetahuan terhadap Tuhan dan terhadap Yesus, Tuan kita; pengetahuan yang harus kita perembangkan dalam virtu kita merangkumi pengetahuan terhadap Tuhan dan terhadap Penyelamat kita, pengetahuan terhadap ekonomi Tuhan, pengetahuan terhadap apanya iktikad, dan pengetahuan terhadap kudrat, kemuliaan, virtu, sifat, dan hayat divin—ay. 5b.
- D. Kawalan sendiri ialah latihan mengawal dan menahan diri dalam perasaan, hasrat, dan tabiat; kawalan sendiri sedemikian perlu dilatih dalam pengetahuan untuk pertumbuhan yang wajar dalam hayat—ay. 6a.
- E. Melatih kesabartahanan berarti bersabar dengan orang lain dan persekitaran—ay. 6b.
- F. Kesalihan ialah kehidupan yang sama seperti Tuhan dan mengekspresikan Tuhan—ay. 6c.
- G. Kasih sesama dikbang (*filadelfia*) ialah kasih sayang sesama dikbang, kasih yang mempunyai ciri kegirangan dan kegembiraan; dalam kesalihan yang merupakan ekspresi Tuhan, kasih ini perlu dibekalkan agar kita dapat mengekalkan hubungan dikbang, dapat bersaksi terhadap dunia, dan dapat menghasilkan buah—ay. 7a; 1 Ptr. 2:17; 3:8; Gal. 6:10; Yoh. 13:34-35; 15:16-17.
- H. Perkembangan yang muktamad berkenaan sifat divin dalam kita ialah kasih—*agape*, perkataan Yunani dalam Wasiat Baru yang merujuk kepada kasih divin, iaitu segala apanya Tuhan dalam sifat-Nya—2 Ptr. 1:7b; 1 Yoh. 4:8, 16:
1. Kasih sesama dikbang kita perlu diperkembangkan selanjutnya menjadi kasih yang lebih mulia dan lebih tinggi—2 Ptr. 1:7b.
 2. Dalam kenikmatan kita terhadap sifat divin, kita perlu membiarkan benih divin bagi iktikad yang telah diperuntukkan ini berkembang sampai konsumasinya dalam kasih yang divin dan lebih mulia—ay. 5-7.
 3. Apabila kita mengambil bahagian dalam sifat divin sehingga kemuncak, kita dipenuhi Tuhan sebagai kasih, dan kita menjadi orang kepunyaan kasih, malah kasih itu sendiri—Ef. 3:19.
- I. Memperkembangkan virtu-virtu rohani dalam hayat divin, dengan itu maju dalam pertumbuhan hayat divin, akan menjadikan panggilan dan pemilihan Tuhan terhadap kita itu teguh—2 Ptr. 1:10.
- J. Kita harus tekun mengejar pertumbuhan dan perkembangan hayat divin dan sifat divin untuk masuk dengan kayanya ke dalam kingdom abadi—ay. 10-11:
1. Bekalan yang limpah lengkap yang kita nikmati dalam perkembangan hayat divin dan sifat divin (ay. 3-7) akan membekali kita secara limpah lengkap supaya kita masuk dengan kayanya ke dalam kingdom abadi Tuhan kita.

2. Bekalan ini akan membolehkan dan melayakkan kita masuk ke dalam kingdom yang akan datang melalui segala kekayaan hayat divin dan sifat divin sebagai virtu-virtu (tenaga) kita yang unggul sehingga mencapai kemuliaan Tuhan yang semarak—ay. 3; 1 Ptr. 5:10.
3. Kelihatannya kita sendiri yang masuk ke dalam kingdom abadi; sebenarnya, kemasukan ke dalam kingdom abadi dibekalkan kepada kita dengan kayanya menerusi pertumbuhan kita dalam hayat dan menerusi perkembangan hayat divin dalam kita.